

1

Yaakub bin Ibrahim & Anor

v

Fudzi bin Ghani @ Dol Shah

5

Sessions Court, Ipoh – Summons No. A53KJ-144-04/2015
D Sunita Kaur Jessy scj

10

[55] Quantum – *Abrasion and laceration – Multiple abrasion and laceration wounds – Head – Intracranial bleed with extradural haemorrhage over right frontal with midline shift of brain – Lower limb – Closed fracture distal phalanx of left fifth toe – Open fracture of right calcaneum with osteomyelitis – Thorax – Fracture of left eighth, ninth and 10th ribs – Upper limb – Closed fracture distal end of clavicle – Multiple scars*

15

Date of accident

March 28, 2013

Date of grounds of judgment

20

March 29, 2016

Judgment received

July 20, 2017

25

Brief description of plaintiff's injuries

(First plaintiff)

30

1. Closed fracture distal end of the clavicle
2. Closed fracture distal phalanx of the left fifth toe
3. Fracture of the left eighth, ninth and 10th ribs
4. Multiple laceration wounds
5. Open fracture of the right calcaneum with osteomyelitis

(Second plaintiff)

35

1. Intracranial bleed with extradural haemorrhage over the right frontal with midline shift of brain
2. Laceration and abrasion wounds
 - (a) 1 cm x 0.5 cm laceration wound over the left lower limb
 - (b) Abrasion and laceration wounds over the left upper limb, lips and face
 - (c) Laceration wound over the frontal area of the head

40

Disabilities

1

(First plaintiff)

1. Malunion of the fracture of the left fifth toe
2. Multiple scars over the knee and heel (without disfigurement)

5

(Second plaintiff)

1. Multiple scars over the upper limb, lower limb and head (without disfigurement)

Plaintiff's age

10

(First plaintiff)

- | | | |
|----------------------------|---|----------|
| (a) As at date of accident | : | 41 years |
| (b) As at date of hearing | : | NA |

Plaintiff's occupation

15

(First plaintiff)

- | | | |
|----------------------------|---|--------|
| (a) As at date of accident | : | Tailor |
| (b) As at date of hearing | : | NA |

Plaintiff's earnings

20

- | | | |
|----------------------------|---|----|
| (a) As at date of accident | : | NA |
| (b) As at date of hearing | : | NA |

Liability

50% against the defendant

25

Award (Based on 100% liability)*(First plaintiff)*1. *General damages*

- | | | | |
|--|---|-------------|----|
| (a) Closed fracture distal end of the clavicle
(without permanent disabilities) | – | RM25,000.00 | 30 |
| (b) Closed fracture distal phalanx of the left fifth
toe (Note: The fracture has malunited without
any significant disabilities) | – | RM10,000.00 | |
| (c) Fracture of the left eighth, ninth and 10th ribs | – | RM12,000.00 | |
| (d) Multiple laceration wounds | – | RM 5,000.00 | |
| (e) Multiple scars over the knee and heel | – | RM 5,000.00 | 35 |
| (f) Open fracture of the right calcaneum with
osteomyelitis | – | RM30,000.00 | |

2. *Special damages*

- | | | | |
|--|---|-------------|----|
| (a) Actual loss of income (RM1,500.00 x 10 months) | – | RM15,000.00 | 40 |
| (b) Bill at Hospital Teluk Intan (agreed) | – | RM 356.00 | |
| (c) Cost of screw (agreed) | – | RM 300.00 | |

1	(d) Expenses incurred by the plaintiff (agreed)	– RM 300.00
	(e) Loss of earning capacity	– RM10,000.00
	(f) Travelling expenses incurred by the plaintiff's family (agreed)	– RM 300.00
5	<i>(Second plaintiff)</i>	
	1. <i>General damages</i>	
	(a) Intracranial bleed with extradural haemorrhage over the right frontal with midline shift of brain	– RM20,000.00
10	(b) Laceration and abrasion wounds (1 cm x 0.5 cm laceration wound over the left lower limb, abrasion and laceration wounds over the left upper limb, lips and face and laceration wound over the frontal area of the head)	– RM 6,000.00
15	(c) Multiple scars over the upper limb, lower limb and head (without disfigurement)	– RM 8,000.00
	2. <i>Special damages</i>	
	(a) Expenses incurred by the plaintiff's family (agreed)	– RM 250.00
20	(b) Hospital bill (agreed)	– RM 109.00
	(c) Travelling expenses	– RM 250.00

Note

1. An appeal was lodged by the plaintiff at the High Court in Civil Appeal No. 12B-2-02/2016 against the Sessions Court's finding on liability and quantum, specifically on the award for loss of earning capacity.
2. The High Court dismissed the appeal with no order as to costs.

Interest

- (a) 2.5% per annum on special damages from date of accident until date of judgment.
- (b) 5% per annum on general damages from date of service of summons until date of judgment.
- (c) 5% per annum on total judgment sum from date of judgment until date of full settlement.

Cases referred to by the court

- Balakrishnan Kunjamboo Nair v Savastine Anthony Francis* [1991] 2 CLJ (Rep) 327
Bonham-Carter v Hyde Park Hotel Ltd (1948) 64 TLR 177
Chai Phin Chong & Anor v Zainal Abidin Mohd Salleh & Anor [1998] 4 CLJ 833
Firdaus b Abd Malik & Anor v Wee Kok Choo [2011] 1 PIR [15], sc
Hairol Azman b Abdullah v Ooi Kee Loon & Anor [2013] 1 PIR [5], sc
Kwek Hoe Bok v Lee Sin Kweng [1966] 1 MLJ 185
Mariam bt Mansor v JD Peter [1975] 1 MLJ 279

- Muhammad Wafi b Mahayadin v Logeswaran all Subramaniam & 3 Ors* [2011] 2 PIR [79], sc 1
- Ng Aik Kian & Anor v Sia Loh Sia* [1997] 2 AMR 1996; [1997] 2 CLJ (Supp) 218, HC
Ong Ah Long v Dr S Underwood [1983] CLJ 300
- Radburn v Kemp* [1971] 1 WLR 1502 5
- Ramoo v Gan Soo Swee & Anor, Privy Council, Hong Kong* [1971] 1 LNS 118, PC
Sumber b Dollah & Anor v Yeo Ngee Chiang & Anor [2008] 1 PIR [28], sc

Other references

- Compendium of Personal Injury Awards* 10

Solicitors

SV Namasoo and Shabnam Haseena Mohd Hanif (SV Namasoo & Co) for plaintiffs
Athithen Singaravelu (Athi, Seelan, Mahathir & Partners) for defendant

D Sunita Kaur Jessy scj 15

Pengenalan

[1] Kemalangan ini berlaku pada Mac 28, 2013 pada jam lebih kurang 2.25 petang di Pekan Kampung Gajah yang melibatkan sebuah motorsikal No. WDQ 7320 dengan sebuah Hilux No. WNE 901. 20

[2] Mahkamah telah mendapati plaintif dan defendan masing-masing bertanggung sebanyak 50% dalam kemalangan ini. *Plaintif tidak berpuashati dan mengemukakan rayuan terhadap isu liabiliti dan kuantum khususnya pada bahagian kehilangan keupayaan mencari mata pencarian.* 25

Versi plaintif

[3] Adalah menjadi versi plaintif bahawa beliau sedang bergerak dari kiri ke kanan di persimpangan lampu isyarat apabila defendan yang sedang bergerak dari atas ke bawah apabila perlanggaran berlaku. Plaintif menyatakan bahawa pada ketika itu lampu isyarat berwarna hijau di laluan dan kecuiaan defendan adalah punca kemalangan ini. 30

Versi defendan

[4] Versi defendan pula adalah bahawa beliau sedang bergerak dari atas ke bawah di persimpangan lampu isyarat dan lampu isyarat ketika itu tidak berfungsi dan sedang bergerak apabila berlaku perlanggaran. 35

Dapatan mahkamah berkaitan isu liabiliti

[5] Pegawai penyiasat berikan keterangan mengenai arah perjalanan kedua-dua kenderaan dan mengesahkan kemalangan berlaku di persimpangan 40

1 lampu isyarat di pekan Kampung Gajah. Beliau tidak dapat mengesahkan jika
lampu isyarat ketika itu berfungsi atau tidak. Sebaliknya menyatakan jalan
dari atas ke bawah merupakan jalan utama dan plaintif ketika itu sedang
bergerak dari kiri menghala ke kanan apabila kemalangan berlaku. Dalam
5 kemalangan ini, mahkamah mendapati kedua-dua pihak bertanggung sama
rata memandangkan kemalangan berlaku di persimpangan lampu isyarat
dimana kedua-dua pihak seharusnya mengamalkan sikap lebih berhati-hati
sebelum keluar dari simpang. Beban memastikan keadaan selamat sebelum
keluar dari simpang terletak pada kedua-dua pihak.

10 [6] Plaintif menyatakan bahawa lampu isyarat di laluan nya berwarna
hijau ketika kemalangan. Namun kenyataan ini tidak disokong oleh mana-mana
keterangan lain. Pegawai penyiasat ketika menjalankan siasatan (sehari
selepas kemalangan) menyatakan dengan jelas bahawa beliau tidak pasti
jika lampu isyarat berfungsi atau sebaliknya. Tiada saksi bebas yang melihat
15 kejadian ini. Beban pembuktian terletak di bahu plaintif bagi menunjukkan
lampu isyarat di laluan nya berwarna hijau dan beliau gagal melaksanakan
beban tersebut. Selain itu juga ada keterangan dari pegawai penyiasat yang
menyatakan bahawa jalan utama dipersimpangan tersebut adalah laluan
defendan menurut pada kelebaran laluan tersebut. Pada dasarnya walaupun
20 lampu isyarat berwarna hijau namun pihak yang keluar dari simpang harus
memastikan keadaan benar-benar selamat sebelum bergerak. Di sini plaintif
tidak memastikan keadaan benar-benar selamat sebelum keluar di mana
pada ketika itu defendan juga keluar dari simpang tersebut dan berlaku
perlanggaran. Rujukan pada kes:

25 *Radburn v Kemp* [1971] 1 WLR 1502:

the defendant driver had no business, despite the lights being in its favour, to
enter the junction at all unless he was satisfied that it was safe for him to do so, and,
once he had entered it, no right to proceed further across the junction without
taking the utmost care to save harmless people who rightly were already on
30 the junction before he entered it.

[7] Defendan ketika memberi keterangan menyatakan bahawa lampu
isyarat dipersimpangan tersebut telah rosak dan tidak berfungsi selama
beberapa hari. Beliau telah keluar dari simpang setelah memastikan tiada
kenderaan namun masih berlaku perlanggaran. Rujukan pada nota keterangan
35 defendan:

Q – lampu isyarat rosak?

Dari keempat-empat arah lampu itu rosak. Ia tunjukkan warna kuning berkelip-kelip.
Saya tahu semua arah tidak berfungsi sebab ia berlanjutan selama beberapa hari.

40

[8] Namun kenyataan ini tidak dapat disahkan oleh pegawai penyiasat
kerana beliau hanya menjalankan siasatan di tempat kejadian sehari selepas

kemalangan berlaku. Defendan juga mempunyai beban untuk memastikan keadaan benar-benar selamat sebelum keluar simpang dan kegagalan berbuat demikian telah mengakibatkan kemalangan ini. Dari keterangan juga disahkan tiada halangan pandangan pada arah defendan apabila tiba dipersimpangan, oleh itu mahkamah berpendapat kemalangan ini dapat dielakkan jika kedua-dua pihak mengamalkan sikap berhati-hati. Maka atas dasar itu mahkamah mendapati defendan juga turut bertanggungjawab dari aspek liabiliti dalam kemalangan ini.

Ramoo v Gan Soo Swee & Anor, Privy Council, Hong Kong [1971] 1 LNS 118
Privy Council held:

the question to be determined as whether the respective *defendants should have realised that the light were defective* and that, irrespective of the colour which they were showing at the time they passed them, *they should proceed with caution.*

[9] Jelas daripada keterangan kesemua pihak tiada bukti kukuh bagi menunjukkan lampu isyarat di laluan siapakah yang berwarna hijau atau jika benar lampu isyarat tersebut tidak berfungsi pada hari kemalangan. Keterangan kedua-dua pihak tidak menunjukkan keadaan sebenar pada hari kemalangan. Dalam hal ini juga, pegawai penyiasat dari hasil siasatannya juga tidak dapat mengesahkan lampu isyarat dilaluan siapakah yang berwarna hijau atau sebaliknya. Maka dalam keadaan sedemikian liabiliti diagihkan sama rata pada kedua-dua pihak atas kegagalan berhati-hati apabila keluar dari persimpangan jalanraya. Rujukan pada kes:

Ng Aik Kian & Anor v Sia Loh Sia, High Court Johor Bahru [1997] 2 CLJ
(Supp) 218:

It was not in dispute that the accident occurred at a road junction, and that at the material time the two vehicles were proceeding in opposite directions. The uncertainty that confronted the court was such that, even after taking into account the documentary evidence, the court still was to make conclusions as to the actual point of impact, or as to whether the collision was a frontal collision as alleged by the defendant or whether it was an angular collision as contended by the plaintiff. Against these background facts, before the learned judge herein, a question *inter alia* arose as to whether the court, in the circumstances, is entitled to make a finding that both sides were to be equally blamed and award damages on that basis. The varied versions of the accident given by the parties herein have created such doubt that this court is unable to determine their respective degree of blameworthiness. On the facts, and on the balance of probabilities, it is just impossible to apportion the blame. *This being the case, the court can only hold that both are equally to blame.* We are of the view that the principles enunciated in *Baker v Market Harborough Industrial Cooperative Society Ltd [1953] 1 WLR 1472* followed by our Court of Appeal in *Ong Yam Chong & Anor v Chan Wah [1962] MLJ 184* that where there is a collision between two vehicles travelling in opposite directions then in the absence of special circumstances there is a *prima facie* presumption that both drivers are negligent and the onus falls

1 on each of them to show that the other driver rather than himself was negligent,
is applicable in this instance.

5 [10] Adalah menjadi tanggungjawab kedua-dua pihak sebagai pengguna
jalanraya agar memastikan keadaan benar-benar selamat sebelum meneruskan
perjalanan khususnya di suatu persimpangan jalanraya. Kedua-dua pihak
memikul beban yang sama dalam menunjukkan sikap lebih berhati-hati.
Rujukan pada kes:

10 *Chai Phin Chong & Anor v Zainal Abidin Mohd Salleh & Anor* [1998] 4 CLJ 833:

*The driver of a motorvehicle has a strong duty to keep a good lookout while driving and
the sharpness of the lookout required depends upon the circumstances existing
at that time. A driver should always anticipate the possible presence of others on the
road and should always be able to stop within the range of his permitted vision.*

15 [11] Kedua-dua pihak seharusnya mengetahui kehadiran pengguna jalanraya
yang lain khususnya di persimpangan jalanraya. Malahan kemalangan ini
berlaku pada waktu petang dalam keadaan cerah dan cuaca baik serta tiada
halangan pandangan. Dalam hal ini kedua-dua pihak seharusnya dapat
melihat kehadiran pihak yang satu lagi sebelum bergerak keluar simpang.
Tanggungjawab untuk berhati-hati diletakkan sama rata pada kedua-dua pihak
20 dan saya mendapati kedua-dua pihak gagal melaksanakan tanggungjawab
tersebut dengan cermat. Rujukan pada kes berikut:

Kwek Hoe Bok v Lee Sin Kweng [1966] 1 MLJ 185:

25 A following driver should as far as reasonably possible take up such a position
and drive in such a fashion as will enable him to deal successfully with all traffic
exigencies reasonably to be anticipated but the question whether he has fulfilled
this duty is a question of fact which must depend on the circumstances of the
particular case.

30 [12] Secara kesimpulannya, mahkamah mendapati kemalangan ini dapat
dielakkan jika kedua-dua pihak bersikap lebih berhati-hati. Kemalangan ini
dapat dielakkan jika kedua-dua pihak memberi tumpuan sepenuhnya pada
persimpangan jalanraya tersebut di mana kenderaan boleh keluar dari arah
kiri, kanan atau arah bertentangan. Oleh itu atas imbalan kebarangkalian
mahkamah mendapati kedua-dua pihak bertanggung dalam kemalangan
35 ini pada kadar sama rata iaitu 50% plaintif dan 50% defendan.

Kuantum (atas dasar 100%)

40 [13] Dalam sesuatu tuntutan kemalangan, jumlah award yang diberikan
seharusnya munasabah dan bersetujuan dengan kecederaan yang dialami.
Tujuan utama sesuatu award diberikan adalah untuk membolehkan seseorang
plaintif menjalani hidup dengan lebih sempurna setelah mengalami kecederaan
tersebut. Rujukan dibuat pada kes berikut:

i. *Ong Ah Long v Dr S Underwood* [1983] CLJ 300:

it must be borne in mind that damages for personal injuries are not punitive and still less a reward. They are simply compensation that will give the injured party reparation for the wrongful act and for all the natural and direct consequences of the wrongful act, so far as money can compensate.

ii. *Mariam bt Mansor v JD Peter* [1975] 1 MLJ 279:

in considering what compensation the court shall award, it is impossible to arrive at an accurate figure, however, all the court can do is to award her a sum which would compensate her for pain and suffering she had undergone and will, in all probability, continue to undergo. I feel that the sum awarded should be a fair sum to compensate the plaintiff for the injuries suffered, but it should not be too excessive to constitute an injustice to the defendant. It is trite law that any claim for special damages must be specifically pleaded and strictly proved as opposed to general damages which is subject to assessment (see *Sam Wun Hoong v Kader Ibramshah* [1981] 1 MLJ 295 at 297; [1981] 1 LNS 103, FC). In *Yeap Cheng Hock v Kajima-Taisei Joint Venture* [1973] 1 MLJ 230 at 236; [1971] 1 LNS 155 Syed Agil Barakbah J held:

“The general principle is that the plaintiff must be prepared to prove his special damages unless it has been agreed. It is not enough for him to write down the particulars and leave them for the court to decide. It is for him to prove them.”

[14] Di dalam menentukan award bersesuaian, rujukan telah dibuat pada hujahan kedua-dua pihak, *Compendium of Personal Injury Awards* yang terkini dan mengguna pakai kes yang telah diputuskan sebagai panduan. Setelah mempertimbangkan perkara di atas, award yang diberikan adalah pada kadar 100%.

Gantirugi am – plaintif pertama

(a) *Multiple laceration wounds – dibenarkan RM5,000.00*

[15] Kecederaan ini merupakan suatu laceration dan tidaklah begitu serius maka amaun yang dibenarkan adalah munasabah setelah mengambilkira keadaan plaintif dan juga rujukan pada kes berikut:

i. *Firdaus b Abd Malik & Anor v Wee Kok Choo* [2011] 1 PIR [15] – where RM5,000.00 was awarded for deep laceration over the chin.

ii. *Hairol Azman b Abdullah v Ooi Kee Loon & Anor* [2013] 1 PIR [5] – where the court awarded RM1,000.00 for laceration wound.

1 (b) *Open fracture of the right calcaneum (inclusive of osteomyelitis) – dibenarkan RM30,000.00*

5 [16] *Compendium* mengesyorkan award di antara RM11,000.00 hingga RM16,500.00 bagi kecederaan ini. Pada lazimnya bagi kecederaan sedemikian nas-nas perundangan membenarkan award dalam lingkungan RM11,000.00 hingga RM13,000.00 sebagai munasabah. Namun bagi kecederaan ini, mahkamah mendapati plaintif juga mengalami ketidakupayaan serta kecacatan kekal seperti yang dinyatakan dalam laporan perubatan dan pakar. Award ini juga mengambilkira keadaan plaintif yang mengalami “osteomyelitis” akibat kepatahan ini. Oleh itu award sejumlah RM30,000.00 merupakan suatu amaun yang munasabah dan wajar setelah mengambilkira kepatahan dan juga keadaan “osteomyelitis” yang dialami oleh plaintif.

(c) *Closed fracture distal phalanx of the left fifth toe – dibenarkan RM10,000.00*

15 [17] *Compendium* mengesyorkan amaun antara RM6,500.00 hingga RM8,500.00. Bagi kepatahan ini mahkamah berpendapat sesuai dibenarkan RM10,000.00 memandangkan kepatahan ini telah “malunited” tanpa kecacatan yang begitu ketara.

20 (d) *Closed fracture distal end of the clavicle – dibenarkan RM25,000.00*

[18] Bagi kecederaan pada bahagian, plaintif dalam hujahannya telah memohon dan mengesyorkan award sejumlah RM25,000.00. Mahkamah membenarkan amaun ini kerana ia merupakan suatu amaun munasabah tanpa kecacatan kekal akibat kepatahan ini. *Compendium* juga mengesyorkan amaun yang sama bagi kepatahan sedemikian.

(e) *Fracture of the left eighth, ninth and 10th ribs – dibenarkan RM12,000.00*

30 [19] Amaun yang disyorkan dalam *Compendium* adalah antara RM3,500.00 hingga RM4,500.00. Mahkamah telah mengawardkan suatu amaun yang munasabah iaitu RM12,000.00 bagi kepatahan ini dengan kiraan RM4,000.00 bagi setiap tulang rusuk. Rujukan di buat pada kes berikut:

35 i. *Muhammad Wafi b Mahayadin v Logeswaran all Subramaniam & 3 Ors* [2011] 2 PIR [79] – where RM4,000.00 was awarded for fracture of the first right rib.

ii. *Sumber b Dollah & Anor v Yeo Ngee Chiang & Anor* [2008] 1 PIR [28] at p 153 – where RM12,000.00 was awarded for fracture of the three ribs.

40 [20] Plaintif juga dalam hujahan telah mengesyorkan sejumlah RM4,000.00 award diberikan bagi setiap tulang rusuk yang patah. Oleh itu tuntutan ini dibenarkan.

(f) *Multiple scars – dibenarkan RM5,000.00*

[21] Bagi kesan parut yang dialami akibat kecederaan, mahkamah membenarkan award sejumlah RM5,000.00 sebagai suatu amaun yang munasabah merujuk pada *trend* award terkini. Malahan kesan parut bertumpu pada bahagian lutut dan kaki (*heel*) dan ini tidak menyebabkan kecacatan pada paras rupa plaintif. Oleh itu amaun ini adalah wajar dan bersesuaian.

Gantirugi khas – plaintif pertama

Item (1) Kehilangan pendapatan – dibenarkan untuk tempoh cuti sakit RM15,000.00 dan untuk hilang keupayaan bekerja sejumlah RM10,000.00 (loss of earning capacity);

[22] Plaintif dalam tindakan ini memohon bagi kehilangan pendapatan penuh. Beliau menjalankan perniagaan sendiri sebagai seorang tukang jahit baju di Kampung Gajah. Beliau menyatakan sebelum kemalangan beliau mampu menjahit lebih kurang tiga hingga empat pasang baju sehari dengan harga sepasang baju ialah RM50.00 dengan pendapatan penuh (sebelum kemalangan) adalah antara RM2,500.00 hingga RM4,000.00. Namun kini pendapatan telah berkurangan sehingga RM800.00 hingga RM1,000.00 sebulan. Ini adalah akibat ketidakupayaan yang dialami akibat kecederaan dalam kemalangan ini. Pihak defendan menyangkal tuntutan bagi kehilangan penuh atas dasar plaintif masih meneruskan dengan perniagaan menjahit baju, malahan telah mengesyorkan plaintif menggunakan mesin jahit jenis baru bagi menyenangkan lagi proses menjahit baju.

[23] Dalam sesuatu tuntutan gantirugi khas pihak yang memohon harus membuktikan dengan kukuh dan jelas bagi menjustifikasikan award yang bakal dibenarkan. Namun mahkamah mendapati plaintif dalam tindakan ini tidak berjaya membuktikan berapa sebenarnya pendapatan sebulan dengan jelas sekali gus gagal menunjukkan bahawa beliau layak diberi tuntutan kehilangan pendapatan penuh. Keterangan yang diberikan hanya berpandukan pada anggaran pendapatan bulanan. Plaintif tidak mengemukakan resit tempahan baju harian, tiada buku rekod pendapatan bulanan atau sebarang keterangan dokumentari dalam menunjukkan kehilangan pendapatan sebenar selain mengemukakan pendaftaran perniagaan dan lesen perniagaan. Rujukan pada kes berikut menunjukkan bahawa tuntutan gantirugi khas harus dibuktikan dengan jelas:

Bonham-Carter v Hyde Park Hotel Ltd (1948) 64 TLR 177 di 178:

Plaintiffs must understand that if they bring actions for damages it is for them to prove their damages; it is not enough to write down the particulars, and so to speak, throw them at the head of the court, saying: "This is what I have lost; I ask you to give me these damages." They have to prove it.

1 [24] Kehilangan sebenar harus dibuktikan oleh plaintif bagi mahkamah
memberikan award yang dipohon. Plaintif gagal menunjukkan jumlah
kehilangan pendapatan yang sebenar melalui keterangan dokumentar.
Namun mahkamah masih benarkan tuntutan plaintif bagi kehilangan sebenar
5 dibenarkan (*actual loss*) iaitu bagi kehilangan selama tempoh cuti sakit (iaitu
10 bulan). Plaintif telah merujuk pada kes berikut:

Balakrishnan Kunjamboo Nair v Savastine Anthony Francis [1991] 2 CLJ
(Rep) 327:

10 in the absence of any documentary evidence, judicial notice could be taken of
the average earnings of marble grinding contract workers to be in the region
of RM700.00.

[25] Plaintif dalam tindakan ini gagal menunjukkan dengan jelas berapakah
pendapatan bulanan yang sebenar. Dalam kegagalan berbuat demikian, plaintif
15 berhujah bahawa mahkamah masih boleh benarkan dengan menggunakan
budi bicara (*judicial notice*) bagi menentukan kehilangan sebenar. Dalam hal
ini, mahkamah telahpun menggunakan budi bicara dalam kiraan sewajarnya
iaitu dalam lingkungan RM1,500.00 sebagai pendapatan bulanan. Mahkamah
mengambil kira amaun tersebut seharusnya melebihi gaji kadar minima iaitu
20 RM900.00 bulanan memandangkan plaintif menjalankan perniagaan sendiri.
Ini merupakan suatu amaun yang wajar setelah meneliti juga hujahan yang
dikemukakan oleh pihak defendan serta juga mengambil kira kegagalan plaintif
sendiri dalam membuktikan pendapatan sebenar dengan jelas. Adalah tidak
adil bagi pihak plaintif dalam kegagalan membuktikan pendapatan dengan
jelas tapi memohon diberikan anggaran pendapatan dalam lingkungan
25 RM2,500.00 hingga RM4,000.00. Ini merupakan suatu amaun yang dilemparkan
pada mahkamah tanpa pembuktian kukuh bagi menjustifikasikan award
diberikan. Mahkamah masih menggunakan budi bicara dengan seadilnya
dengan mengambil kira bahawa plaintif yang menjalankan perniagaan sendiri
sememangnya boleh menjana pendapatan pada anggaran RM1,500.00 sebulan.
30 Kiraan yang dibenarkan adalah seperti berikut:

Kiraan $RM1,500.00 \times 10 = RM15,000.00$.

[26] Tuntutan plaintif bagi kehilangan pendapatan bagi tempoh penuh
adalah tidak dibenarkan. Plaintif memohon agar dibenarkan tuntutan
35 kehilangan pendapatan penuh iaitu bagi tempoh 74 bulan (usia plaintif
ketika kemalangan adalah 41 tahun ditolak dengan 55 tahun dan bahagi 2 =
7 tahun (84 bulan) (tolakan dibuat juga bagi tempoh cuti sakit iaitu 10 bulan
= 74 bulan)).

40 [27] Sekali lagi, mahkamah mendapati plaintif gagal menunjukkan dengan
kukuh bahawa ketidakupayaan yang dialami menyebabkan plaintif tidak
boleh kembali semula bekerja. Keterangan dari laporan pakar juga tidak

menyokong bagi membenarkan tuntutan ini. Rujukan dibuat pada laporan pakar kedua-dua pihak: 1

Laporan pakar plaintif:

he will have difficulty in doing any job which requires him to carry, push, pull or lift heavy objects with left hand; he will also have difficulty in doing any job which requires him to squat, or walk or stand for long periods and walk on slippery or uneven ground and on step or stairs; he will also have difficulty in using the right leg and the left hand for tailoring purposes; *these disabilities will greatly affect his performance as a tailor.* 5

Laporan pakar defendan:

deformity of right heel slight limitation of movement of right ankle joint. 10

[28] Kedua-dua laporan pakar di atas diteliti dengan jelas di mana mahkamah mendapati kedua-dua pakar tidak menyatakan plaintif tidak boleh kembali bekerja semula. Oleh itu tuntutan bagi tempoh 74 bulan seperti yang dipohon tidak terbukti dengan sebarang keterangan. Laporan pakar plaintif dengan jelas menyatakan: 15

these disabilities will greatly affect his performance as a tailor 20

dan melalui keterangan di mahkamah plaintif telahpun kembali bekerja semula sebagai tukang jahit.

[29] Namun melalui keterangan di mahkamah, plaintif yang bekerja sebagai tukang jahit baju perlu menggunakan kaki kanan bagi tujuan menggerakkan mesin jahit tersebut selain mengukur kain dan memotong kain. Dalam hal ini peguam defendan ketika menyoalbalas mengesyorkan pada plaintif agar menggunakan mesin jahit jenis baru yang berfungsi secara elektrik. Rujukan pada nota keterangan: 25

Q – ada dengar mengenai *mesin Singer 4432 jenis heavy duty*? 30

Tidak pernah dengar.

Q – *cdng – model itu boleh jahit tanpa gunakan kaki?*

Tidak tahu. 35

Q – mesin lama itu untuk apa?

Gunakan kaki untuk gerakkan mesin dan berhentikan mesin.

Q – *cdgn – mesin jenis baru boleh dikawal dengan butang tanpa gunakan kaki?*

Tidak tahu. *Sebab saya perlukan mesin asal.* 40

Q – kaki kanan kamu sahaja cedera?

1 Kedua-dua kaki cedera, tapi kini kaki kanan yang kurang tenaga.

Q – tapi boleh gunakan kaki kiri?

Mesin saya perlukan kaki kanan. Tapi lutut juga diperlukan.

5

Q – jadi asal yang kamu tidak belikan mesin baru sebab tidak mampu?

Tidak mampu dan *juga sebab tiada kemahiran untuk mesin baru.*

Q – tapi boleh belajar?

10

Tidak setuju.

[30] Daripada keterangan di atas, jelas ada mesin jenis baru yang boleh menyenangkan kerja plaintif sebagai seorang tukang jahit. Namun daripada keterangan plaintif di atas tidak menunjukkan usaha positif di pihaknya. Mahkamah berpendapat plaintif seharusnya cuba mengurangkan kadar kerugiannya (*mitigate own loss*) dan tidak hanya melemparkan pada mahkamah bagi memberi award kehilangan pendapatan penuh. Kehilangan pendapatan penuh wajar dibenarkan dalam situasi di mana seseorang plaintif tidak boleh bekerja langsung dan disahkan oleh keterangan pakar. Di sini plaintif telahpun kembali bekerja semula oleh itu tuntutan kehilangan pendapatan penuh tidak wajar dibenarkan. Dalam hal ini, award yang lebih sesuai setelah mengambilkira ketidakupayaan (seperti dalam laporan pakar) dan kekurangan pendapatan bulanan setelah kemalangan (seperti yang diujulkan oleh peguam) adalah award bagi kehilangan keupayaan bekerja (*loss of earning capacity*).

25

[31] Kehilangan keupayaan bekerja merujuk pada nas-nas perundangan wajar atau sesuai dibenarkan dalam keadaan di mana plaintif mungkin akan kehilangan pekerjaannya pada masa hadapan (*may lose his employment in future*). Dalam tindakan ini tiada keterangan bagi menunjukkan sama ada plaintif akan kehilangan pekerjaannya atau akan menutup perniagaannya pada masa akan datang, malahan daripada keterangan plaintif telahpun membeli sebuah lagi mesin jahit baru bagi menampung keperluan perniagaannya. Walau bagaimanapun mahkamah masih membenarkan award kehilangan keupayaan bekerja memandangkan ada keterangan dalam laporan pakar plaintif yang menyatakan “*these disabilities will greatly affect his performance as a tailor*” tanpa menyatakan tempoh seberapa lama ia akan memberi kesan pada keupayaannya untuk bekerja. Setelah merujuk pada pada semua keterangan mahkamah benarkan suatu amaun yang munasabah dan wajar bagi kehilangan ketidakupayaan bekerja dengan jumlah RM10,000.00.

40

Item (2) Kos baiki motorsikal – ditarik balik;

[32] Tuntutan ini telah ditarik balik oleh pihak plaintif.

Item (3) Bil bayaran Hospital Teluk Intan – dipersetujui RM356.00; 1

[33] Tuntutan bagi bayaran bil Hospital Teluk Intan adalah dipersetujui antara kedua-dua pihak.

Item (4) Bayaran screw – dipersetujui RM300.00; 5

[34] Tuntutan ini adalah dipersetujui antara kedua-dua pihak.

Item (5) Kos lawatan keluarga – dipersetujui RM300.00;

[35] Tuntutan ini dipersetujui antara kedua-dua pihak. 10

Item (6) Kos perbelanjaan plaintiff – dipersetujui RM300.00;

[36] Tuntutan ini dipersetujui antara kedua-dua pihak.

Item (7) Kos pembedahan – ditarik balik; 15

[37] Tuntutan ini ditarik balik oleh pihak plaintiff.

Item (8) Kos dokumen – dibenarkan bawah kos tindakan.

[38] Kos bagi dokumen adalah dibenarkan di bawah kos tindakan. 20

Gantirugi am – plaintiff kedua

(a) Laceration and abrasion wound – dibenarkan RM6,000.00

[39] Plaintiff kedua mengalami kecederaan *laceration* dan *abrasion* pada: 25

i. Laceration wound over the frontal area of head;

ii. Laceration wound over the left lower limb (1 cm x 0.5 cm);

iii. Abrasion wounds and laceration wounds over the left upper limb, lips and face. 30

[40] Plaintiff dalam tindakan ini berhujah dan memohon dibenarkan award sejumlah RM12,000.00. Namun mahkamah mendapati kecederaan *abrasions* dan *lacerations* tersebut adalah tidak serius bagi mewajarkan award sedemikian. Dalam hal ini adalah award yang lebih munasabah adalah RM6,000.00 setelah mengambilkira tiada kecacatan kekal atau menimbulkan keadaan kesihatan yang serius. Oleh itu dibenarkan RM6,000.00 sebagai munasabah. 35

(b) Intracranial bleed with extradural haemorrhage over the right frontal with midline shift of brain – dibenarkan RM20,000.00 40

[41] Bagi kecederaan ini, plaintiff dalam hujahannya memohon agar dibenarkan amaun sejumlah RM20,000.00. Mahkamah meneliti laporan

1 perubatan plaintif kedua serta juga trend award yang terkini dan berpendapat
RM20,000.00 merupakan suatu award yang wajar setelah mengambilkira
keadaan plaintif seperti yang dinyatakan dalam laporan perubatan. Award
ini juga merangkumi prosedur perubatan iaitu "*craniotomy and evacuation of*
5 *the blood clots*" yang terpaksa dijalani akibat kecederaan ini.

(c) *Multiple scars – RM8,000.00*

[42] Plaintif kedua mengalami kesan parut (*multiple scars*) akibat kecederaan
dalam kemalangan ini. Kesan parut dialami ke bahagian kaki, tangan dan di
10 kepala. Plaintif memohon agar dibenarkan RM22,000.00. Namun mahkamah
meneliti laporan perubatan dan pakar dan mendapati kesan parut ini
tidak mencatitkan paras rupa plaintif bagi mewajarkan suatu award yang
tinggi. Oleh itu mahkamah benarkan RM8,000.00 sebagai suatu award yang
munasabah.

15 ***Gantirugi khas – plaintif kedua***

Item (1) Bayaran hospital – dipersetujui RM109.00;

Item (2) Perbelanjaan keluarga – dipersetujui RM250.00;

20 *Item (3) Kos pengangkutan – RM250.00;*

[43] Plaintif melalui hujahannya telah mengesyorkan amaun RM250.00 bagi
tuntutan kos pengangkutan. Mahkamah berpendapat ia adalah suatu amaun
yang wajar dan munasabah dan membenarkan RM250.00.

25 *Item (4) Kos dokumen – dibenarkan bawah tindakan kos.*

[44] Dalam sebarang tindakan tuntutan kehilangan gantirugi, amaun yang
dibenarkan oleh mahkamah tidak seharusnya terlalu tinggi. Tuntutan gantirugi
adalah bagi menampung kerugian, kecederaan, kecacatan atau ketidakupayaan
30 yang dialami akibat kecederaan dalam kemalangan. Mahkamah akan meneliti
semua laporan perubatan, laporan pakar dari kedua-dua pihak sebelum
memutuskan dalam membenarkan suatu award yang munasabah. Pemberian
award oleh mahkamah tidaklah harus dilihat sebagai suatu ganjaran sebaliknya
ia berupaya membantu seseorang plaintif bagi meringankan beban akibat
kecederaan yang dialami. Rujukan pada kes berikut:

35

*Ng Aik Kian & Anor v Sia Loh Sia, High Court Johor Bahru [1997] 2 CLJ
(Supp) 218:*

[3] *Damages for personal injuries are not punitive and still less a reward.*

40 This apart, it must also be borne in mind that an award under *general damages*
should be a *global sum commensurate with the injury sustained and not a full
compensation which might result in ruinous consequences to the defendant.*

[45] Dalam tindakan ini kos dibenarkan pada plaintif dengan faedah bagi gantirugi khas pada kadar 2.5% p.a. daripada tarikh kemalangan sehingga tarikh keputusan. Gantirugi am pada kadar 5% p.a. daripada tarikh saman diserahkan sehingga tarikh keputusan dan selanjutnya 5% p.a. terhadap jumlah yang diawardkan daripada tarikh keputusan sehingga penyelesaian penuh.

1

5

10

15

20

25

30

35

40